

Program Perintis di JAPERUN Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik (E-Waste) sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Tahun 2021 Peringkat Negeri Melaka

25 September 2021, MELAKA - Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama pihak pengurusan Japerun Ayer Keroh telah bersama-sama dalam menjayakan program tersebut dengan kutipan sisa buangan elektrik dan elektronik (e-waste) sebanyak 189.00 kg.

Selain itu, orang ramai yang hadir menghantar sisa buangan elektrik dan elektronik (e-waste) juga diberi peluang untuk mendaftar menjadi Ahli Rakan Alam Sekitar (RAS) ketika program berlangsung. Antara kelebihan menjadi Ahli Rakan Alam Sekitar adalah diberi pendedahan yang lebih meluas serta ahli boleh menyertai pelbagai program Rakan Alam Sekitar yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Objektif Program Rakan Alam Sekitar adalah memberi kesedaran alam sekitar di setiap lapisan masyarakat, menanam rasa tanggungjawab dalam kalangan masyarakat untuk bertindak dan mengambil bahagian dalam menjaga alam sekitar serta menyediakan saluran yang tepat bagi masyarakat membuat aduan atau pandangan mengenai alam sekitar kepada agensi-agensi kerajaan khususnya Jabatan Alam Sekitar.

Program ini diadakan secara drive-thru dan mengikut SOP daripada MKN & KKM.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama